



KENYATAAN MEDIA

YB DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
mengenai

TRAGEDI KREN RUNTUH DI MEKAH **12 SEPTEMBER 2015**

Saya merasa simpati akan kejadian yang menimpa jemaah haji Malaysia di Mekah berikutan kejadian kren runtuh di Masjidilharam pada awal pagi tadi (waktu tempatan).

Saya telah dimaklumkan bahawa salah seorang mangsa yang terlibat dengan kejadian tersebut adalah kakitangan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Dr. Mohd Nor Azman Bin Hassan, 44 tahun, adalah seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang bertugas sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Industri MOSTI, kini sedang dirawat di Hospital King Faizal kerana patah tulang belakang. Keluarga beliau juga telah dihubungi oleh pihak Tabung Haji tentang perkara ini.

Saya berdoa agar beliau dan semua jemaah dari Malaysia yang terlibat cepat sembuh dari segi fizikal dan psikologi dan dapat meneruskan ibadah haji.



Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia

Norlida Binti Mohd Ibrahim
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092
Email: norlidaibrahim@mosti.gov.my